

Muslim Memfitnah Islam 80 Apabila Anak Belajar Buat Fitnah 98

SOLUSI

Panduan
Hidup
Bersyariat



MOTIVASI
FARDU AIN 131

2019 • PP 15048/05/2013 (032162)



AUDIT BUREAU OF CIRCULATION
Incorporated in Malaysia

MUSNAH KERANA FITNAH

ALLAH BERFIRMAN:

"Wahai orang yang beriman!
Jika datang kepada kamu
seorang fasiq membawa
sesuatu berita, maka selidikilah
(untuk menentukan)
kebenarannya."

(SURAH AL-HUJURAT 49: 6)


sh terbitan



JALAH INI MENGANDUNGI
AYAT SUCI AL-QURAN,
HARALAH KESUCIANNYA



TANYA SAMA HATI
Bonda Nor
**HIKMAH DI
HUJUNG FITNAH**



KRONOLOGI KIAMAT
Dr. Mohd Yusuf Ismail
**NORMALISASI
ARAK?**



ISSN 1985-5400

00131 >



9 771985 540003

TELAGA BIRU SDN. BHD.

RM10.00 (SEM)
RM12.00 (S/S)
SGD7.50
BND7.50
USD10.00
EUR8.00
IDP35,000.00
AUD7.50

Refleksi al-Quran

AZRUL AZLAN



■ Pemegang Ijazah Kedoktoran bahasa Arab dari University of Jordan. Kini pensyarah di UIAM. Merupakan penulis Indahnya Hidup Bersyariat terbitan Telaga Biru.

Hubungi beliau di mohdazrulazlan@gmail.com

مَا أَصَابَ مِنْ مُصِيبَةٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ وَمَنْ يُؤْمِنْ بِاللَّهِ يَهْدِ اللَّهُ قَلْبَهُ، وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿١١﴾

Maksudnya:

“Tiada musibah yang menimpa (seseorang) kecuali dengan izin Allah. Sesiapa yang beriman kepada Allah, nescaya Dia akan memberi petunjuk kepada hatinya. Dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu.”

(Surah al-Taghabun 64: 11)

Hati manusia sering berbolak-balik terutamanya ketika dilanda ujian dan musibah. Di media sosial, kita mungkin dilihat hebat pada mata masyarakat, tetapi diri yang mengalami sendiri ujian dan musibah tersebut sahaja yang tahu betapa sukarnya untuk menjaga hati yang sentiasa bergelora ini.

Kadangkala sangkaan buruk merenjerah ke dalam jiwa, hati mula punah hari demi hari kerana maksiat dan dosa. Kita memerlukan petunjuk untuk mengubat hati yang sedang parah ini!

Petunjuk Bagi Hati yang PUNAH

Kaedah Ayat

1 Untuk mengubat hati, perkara pertama sekali yang perlu dilakukan adalah dengan membina kepercayaan kepada Allah. Mungkin mudah untuk berbicara soal iman dan kepercayaan kepada Tuhan. Tetapi sejauh mana kita menghayati apa yang dilafazkan terutamanya ketika berhadapan dengan ujian dan musibah.

Ayat di atas memberikan satu gambaran kepada kita bahawa:

- Setiap musibah yang menimpa diri, harta, anak atau keluarga adalah ketetapan Allah dan takdir-Nya.
- Semua yang terjadi adalah dengan ilmu Allah, izin-Nya dan direalisasikan dengan kehendak-Nya.
- Setiap yang terjadi pasti ada hikmahnya.

2 Mendidik hati untuk menerima takdir Allah s.w.t. walaupun ia menyakitkan.


3 Mentadabbur ayat terakhir “والله بكل شيء عليم” akan menjadikan kita tenang dan tenteram kerana kita memahami betapa luasnya ilmu Allah. Kita juga yakin bahawa Dia Maha Mengetahui apa yang terbaik untuk

seseorang hamba itu pada masa sekarang dan akan datang, di dunia dan akhirat.

4 Meyakini bahawa di sebalik musibah yang menimpa seseorang hamba terdapat hikmah dan rahsia yang tidak diketahui oleh manusia. Hikmah hanya dapat dikecapi melalui mehnah iaitu didikan langsung daripada Allah melalui ujian daripadanya. Jika tidak diuji, bagaimana hamba yang taat itu hendak mendapat pahala sabar, syukur, reda dan pemaaf?

5 Ayat ini menunjukkan peri pentingnya bersabar, berserah diri dan menguatkan keimanan tatkala berhadapan dengan ujian dan musibah.

Lihatlah orang yang di bawah dari segi kehidupan dunia supaya kita tidak meremehkan nikmat Allah yang diberikan kepada kita.



6 Ujian bukanlah sesuatu yang negatif kerana di sebaliknya terselit hikmah-hikmah yang tersendiri seperti:

Keadaan	Tujuan
Ujian datang dalam keadaan kita berdosa.	➔ Mengampunkan dosa.
Ujian datang dalam keadaan kita taat.	➔ Meningkatkan darjat.

Tadabbur Ayat

1 Allah s.w.t. menyatakan bahawa hanya melalui keimanan, hati akan menjadi tenteram tatkala ditimpa musibah.

2 Kita mungkin inginkan kehidupan yang jauh daripada kesedihan dan kesusahan. Hakikatnya, dunia ini dipenuhi dengan kesedihan dan kesusahan. Ini hakikat yang perlu kita terima dan percaya!

3 Allah s.w.t. benci jika hamba berhadapan dengan musibah yang Dia berikan. Seperti seorang pesakit yang membenci penyakit yang dialaminya. Maka dengan mentadabbur ayat ini

akan menjadikan kita lebih positif apabila ditimpa ujian dan musibah.

4 Salah satu cara al-Quran mengajar kita tatkala ditimpa musibah adalah dengan berdoa: "Iaitu orang yang apabila mereka ditimpa musibah, mereka berkata: 'Sesungguhnya kami adalah milik Allah dan kepada-Nya juga kami kembali.'" (*Surah al-Baqarah* 2: 155-156)

Cari Bahagia di Sebalik Musibah

1 Beriman dan Beramal Soleh
Allah berfirman: "Sesiapa yang beramal soleh daripada lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya kami akan membalas mereka dengan memberikan pahala yang lebih daripada yang mereka telah kerjakan." (*Surah al-Nahl* 16: 97)

2 Banyak Mengingati Allah
Allah menjelaskan: "(Iaitu) orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah. Ketahuilah dengan zikrullah itu, tenang tenteramlah hati manusia." (*Surah al-Ra'd* 13: 28)

3 Bergantung kepada Allah
Allah mengingatkan: "Dan (ingatlah), sesiapa yang berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya)." (*Surah al-Talaq* 65: 3)

4 Cari Peluang Lakukan Kebaikan
Allah berfirman: "Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisik-bisikan mereka, kecuali (bisik-bisikan) orang yang menyuruh bersedekah atau berbuat kebaikan atau mendamaikan antara manusia." (*Surah al-Nisa'* 4: 114)

5 Tidak Meratapi Masa Silam
Ini kerana apa-apa yang telah

berlaku tidak mungkin dapat dikembalikan semula.

6 Lihat Kelebihan, Bukan Kekurangan Diri
Lihatlah orang yang di bawah dari segi kehidupan dunia supaya kita tidak meremehkan nikmat Allah yang diberikan kepada kita.

7 Jangan Harapkan Terima Kasih daripada Manusia
Berharaplah hanya kepada Allah. Firman Allah yang bermaksud: "Sesungguhnya kami memberi makan kepadamu kerana Allah semata-mata. Kami tidak menghendaki sebarang balasan daripadamu ataupun ucapan terima kasih." (*Surah al-Insan* 76: 9)

8 Hidup Jiwa Hamba
Sebagai hamba, kita seharusnya menerima hakikat bahawa kita layak diuji oleh Allah. Ini akan menyebabkan hati menjadi tenang. Jika memberontak, hati akan bertambah kacau.

9 Rasa Bertuhan
Rasa bertuhan akan menjadikan kita berani dan kuat. Seorang hamba yang paling kuat di sisi Allah adalah yang merasakan dirinya paling lemah di sisi-Nya. Rasa bertuhan inilah yang menyebabkan para nabi, rasul dan para sahabat sanggup berhadapan dengan kekuatan majoriti masyarakat yang menentang mereka. Tidak ada istilah kecewa dan putus asa dalam kamus hidup mereka. Allah berfirman: "Janganlah engkau berdukacita. Sesungguhnya Allah bersama kita." (*Surah al-Taubah* 9: 40)

ReSOLUSI

1 Jadikan keimanan kepada Allah s.w.t. sebagai penguat semangat tatkala ditimpa musibah.

2 Dengan melihat musibah orang lain yang lebih berat dapat mengurangkan beban psikologi yang sedang ditanggung.

3 Walaupun diuji dengan musibah, teruskan bersyukur dengan apa-apa yang masih dimiliki. 📌